

<input checked="" type="checkbox"/>	Sinar Harian
<input type="checkbox"/>	Sinar Ahad
Tarikh:	15/1/2011
Hari:	SAHABTU M/S: U32
Ruangan:	SUKAM



■ **Mohamad Mustafa (tengah)** bersama 1,300 peserta lain yang menyertai senamrobik di UUM.

1,300 sertai senamrobik

SINTOK- Selams dengan konsep 1Malaysia yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak seramai 1,300 kakitangan kampus Universiti Utara Malaysia (UUM) menyertai senamrobik versi UUM dengan menampilkan gabungan lapan muzik daripada pelbagai masyarakat di negara ini.

Antara muzik yang diperdengarkan dan dijadikan muzik iringan untuk se-

namrobik itu ialah gabungan muzik Melayu, kaum Cina, India, Thailand dan muzik dari kebudayaan Sabah dan Sarawak.

Naib Canselor, Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak, Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU), Ketua-ketua Jabatan dan kakitangan Pengurusan Pentadbiran Profesional dan Sokongan menyertai senamrobik yang dikendalikan oleh artis budaya, Jamil Mat.

Menurut Mustafa, senamrobik itu adalah aktiviti yang dapat menyihatkan kesihatan dan merapatkan hubungan antara staf.

Beliau berharap melalui program seperti ini akan memberi peluang kepada kakitangan untuk bersantai sambil mendengar amanat dan perancangan yang akan dilaksanakan oleh pihak pengurusan.